

Dalam setiap janji, setiap pertimbangan keputusan dan sumpah kesetiaan, faktor masa lazimnya menjadi penentu sejauh mana manusia berpegang pada janjinya. Dua dekad berlalu, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye kekal dengan keputusan untuk bersara selamanya daripada dunia politik. Beliau tidak menafikan bahawa memang pada peringkat awal beliau pernah dirisik untuk menyertai parti politik lain tetapi risikan tersebut ibarat bertepuk sebelah tangan. Lamaran takkan bersambut lantaran pilihan hatinya sudah ada. Falsafah beliau dalam politik cukup mudah, parti politik pilihan cuma satu. Tidak ada galang gantinya.

Digelar 'Mr Typewriter', legasi mengusung mesin taip Olivetti Lettera 25 dan beg berisi borang sekitar Bukit Bintang pada zaman beliau berpolitik itu telah menjadikannya sebagai seorang ikon masyarakat yang begitu disegani. Apabila diajukan persoalan tentang pengundurannya dari bidang politik, beliau menyatakan, "...saya bukanlah seorang ahli politik yang mahir bermain politik. Justeru itu saya memilih untuk bersara dari politik..." (temu bual, 27 September 2012).

Dari Pentas Politik ke Pentas Humanis

Ahli Falsafah Greek Heraclitus menyatakan bahawa "tiada yang abadi kecuali perubahan." Setiap detik dalam kehidupan pasti ada perubahan. Setiap permulaan pasti ada pengakhiran. Begitu jugalah penglibatan Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye dalam kancah politik nasional. Seawal usia 23 tahun beliau telah beraksi di pentas politik Malaysia dan ketika berumur 44 tahun beliau memilih untuk bersara dari politik. Pada mata kasar, perubahan rentak tari perjuangan daripada irama politik kepada irama kemanusiaan kelihatan agak canggung memandangkan ia adalah peralihan dari dua pentas yang amat berbeza. Namun demikian, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye tidak sedikit pun kekok dengan peralihan tersebut, malah ia memberi ruang dan masa yang lebih fleksibel untuk berbakti kepada masyarakat. Tambah beliau lagi, semasa menjadi ahli politik, beliau selalunya membantu secara individu namun apabila menjadi aktivis sosial, beliau membantu Organisasi Bukan Kerajaan (NGO).

Tidak ramai yang mengetahui bahawa sebelum terlibat dalam politik, beliau telah mulai menyumbang bakti kepada masyarakat dengan berkhidmat sebagai guru. Namun, tugas itu hanya untuk sementara waktu. Salah satu sebab beliau meninggalkan Ipoh pada tahun 1966 adalah kerana pada masa tersebut beliau berkhidmat untuk kesatuan sekerja. Pada tahun 1968, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Eksekutif National Union of Commercial Workers (NUCW).



Program sosial bersama masyarakat.